

Bekas CEO direman terima sogokan daripada syarikat luar negara

# Sorok RM10.47 juta di Hong Kong

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

**PUTRAJAYA** – Seorang bekas ketua pegawai eksekutif (CEO) sebuah syarikat swasta direman tiga hari sehingga esok bagi membantu siasatan berkaitan kes rasuah bernilai RM10.47 juta kira-kira enam tahun lalu.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Shah Wira Abdul Halim di Mahkamah Majistret Putrajaya semalam.

Menurut sumber, lelaki berusia 48 tahun itu ditahan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Putrajaya kira-kira pada pukul 4.30 petang, 5 Ogos lalu selepas hadir memberi keterangan.

“Difahamkan, suspek disyaki menerima suapan tersebut daripada sebuah syarikat dari luar

negara sebagai balasan untuk pembelian 10,000 buah tablet berjumlah RM24.2 juta (AS\$5.8 juta) sekitar 2014 sehingga 2018.

“Bagaimanapun, pembelian tersebut dibuat secara sulit tanpa persetujuan daripada ahli lembaga pengarah syarikatnya sehingga menyebabkan kerugian besar,” katanya.

Menurut sumber lagi, wang rasuah yang diterima tersebut turut disorok di luar negara termasuk di Singapura dan Hong Kong.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit.

“Kes ini disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009,” katanya.



**PEGAWAI SPRM membawa seorang bekas CEO sebuah syarikat swasta ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk direman semalam.**